

PANDUAN MENANAM CILI

PENYEDIAAN TANAH:

Di Ladang – Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 hingga 22 cm (6-19 inci). Sediakan batas berukuran 1.2m (4 kaki) lebar dan 22 hingga 30 cm (9-12 inci) tinggi. Panjang batas mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 45 cm (1.5 kaki). Gaulkan tahi ayam reput sebanyak 25kg bagi 50 meter persegi (500 kaki persegi) kawasan.

Dalam Pasu atau Bekas – Gunakan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian pasir. Isikan pasu dengan tanah campuran tersebut sehingga 5 cm (2 inci) dari permukaan pasu.

Nota: Digalakkan menggunakan baja organik bukan berdasarkan najis haiwan untuk penanaman cili.

MENYEDIA ANAK BENIH

Bagi tanaman di ladang, sediakan kotak semaiannya berukuran 45 cm (18 inci) panjang, 22 cm (9 inci) lebar dan 10 cm(4 inci) tinggi. Isikan kotak semaiannya dengan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput dan 1 bahagian pasir. Semai 5g biji benih dalam kotak semaiannya secara barisan dan tutup benih dengan lapisan nipis tanah. Jarak tanaman ialah 5 cm (2 inci) antar baris dan 2 cm (1 inci) antara pokok. Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari. Kotak semaiannya mesti dilindungi daripada cahaya matahari dan air hujan yang berlebihan. Ubah anak benih ke ladang 3 hingga 4 minggu selepas disemai. Sebelum diubah ke ladang. Dedahkan anak benih kepada cahaya matahari selama 3 hingga 4 hari untuk mengeraskannya.

PENANAMAN

Di Ladang – Anak benih boleh terus diubah ke batas. Sebelum mencabut, basahkan kotak semaiannya supaya anak benih senang di gali. Gali anak benih dengan segumpal tanah dan tanam terus ke batas. Jarak tanaman ialah 90 cm (36 inci) antara pokok dan 150 cm (60 inci) antara baris.

Dalam Pasu atau Bekas – Semai terus 3 atau 4 biji benih kedalam pasu sedalam 2 hingga 5 cm. Tinggalkan hanya sepokok setiap pasu selepas 2 minggu ditanam.

PENJAGAAN

Menyiram – Siram pokok pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

Membaja

DiLadang – Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2) di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10g sepokok setiap 2 minggu.

Dalam Pasu atau Bekas – Tabur sebanyak 1 sudu the atau 5 g baja NPK Blue Special (12:12:17:2) sepasu di keliling pokok setiap minggu.

SUNGKUPAN

Di Ladang - Gunakan rumput-rumput kering atau pelelah kelapa sebagai sungkupan. Selalunya sungkupan plastik di gunakan di ladang.

Dalam Pasu atau Bekas – Gunakan rumput-rumput kering atau sabut kelapa.

MERUMPUT

Bersihkan batas atau pasu daripada rumput dengan mencabut, menggunakan cangkul atau tajak.

KAWALAN SERANGGA DAN PENTAKIT

Bintik Daun – Sembur racun kulat Benomyl

Antraknos Buah – Sembur racun kulat seperti mancozeb

Kutu Daun – Sembur racun serangga chlorphyrifos atau Imidachloprid

Hamama Merah – Sembur racun seperti dicofol atau malathion

Kerekot Daun dan Mozek Daun – a) Penyakit ini disebar oleh kutu daun. Oleh itu kawalan kutu daun adalah penting.

b) Buang dan bakar pokok yang berpenyakit

Layu Pokok (Layu Bakteria) – Tiada kawalan kimia yang berkesan. Buang dan bakar pokok yang berpenyakit.

Tentukan saliran tanah yang baik.

PENUAIAN:

Di Ladang – Cili boleh dipetik selepas 8 minggu dubah ke ladang. Pungutan dibuat setiap 3 atau 4 hari. Anggaran hasil dari kawasan 50 m (500 kaki) persegi ialah 100 – 200 kg.

- a) Cili Hijau – Anggaran harga antara RM4 – RM6 sekilo
- b) Cili Merah – Anggaran harga antar RM5 – RM8 sekilo.

Dalam Pasu atau Bekas – Cili boleh di petik selepas 12 minggu ditanam. Anggaran hasil ialah 6 hingga 10kg sepokok.